

Keperluan Bahasa Arab dan Komponen Utama Pembangunan Aplikasi Smart Mobile untuk Pelancongan Islam di Selangor: Satu Kajian Literatur

Arabic Language Requirements and Major Key Components of Smart Mobile Development Applications for Islamic Tourism in Selangor: A Literature Study

Mohammad Imran Ahmad¹, Mohammad Najib Jaafar², Ahmad Syukri Adnan³, Naqibah Mansor⁴

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
28 APRIL 2020	20 OGOS 2020	16 OKT 2020

ABSTRAK

Sepanjang dua dekad lalu, pasaran gaya hidup Islam telah berkembang sebagai produk yang mematuhi Syariah. Sektor perkhidmatan seperti makanan halal, pelancongan Islam dan kewangan Islam menjadi komponen penting dalam meningkatkan ekonomi global. Atas peningkatan kesedaran terhadap bilangan pelancong Islam, banyak pemain industri pelancongan mula menawarkan produk dan perkhidmatan khas yang dibangunkan dan direka sesuai mengikut prinsip Islam untuk memenuhi keperluan dan kehendak para pelancong ini. Kajian ini memfokuskan kepada keperluan bahasa Arab dalam pelancongan Islam serta komponen utama yang perlu disediakan dalam membangunkan sebuah aplikasi pelancongan berasaskan Islam. Hasil kajian mendapati, masih belum terdapat aplikasi pelancongan di Selangor yang mematuhi piawaian yang digariskan oleh Organization of Islamic Operation (OIC). Oleh itu, adalah menjadi suatu keperluan pembangunan aplikasi pelancongan Islam yang mematuhi Syariah dalam bahasa Arab untuk memudahkan dan menyenangkan pelancong-pelancong Arab ketika mengunjungi Selangor. Jika dibangunkan dan diuruskan dengan betul, kegiatan pembangunan ekonomi pelancongan Islam di Selangor dapat dipertingkatkan dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan lebih dekat tempat-tempat menarik yang terdapat di negeri ini.

Kata Kunci: Bahasa Arab, Pembangunan Aplikasi, Smart Mobile, Pelancongan Islam.

ABSTRACT

Over the past two decades, the Islamic lifestyle market has grown as a Shariah compliant product. Services sectors such as halal food, Islamic tourism and Islamic finance have been important components in boosting the global economy. With increasing awareness of the growing number of Muslim tourists, many tourism industry offering special products and services that are developed and designed in accordance with Islamic principles to meet the needs and desires of these tourists. This study focuses on the need for Arabic language in Islamic tourism as well as the key components that must be provided in developing an Islamic tourism application. The results show that there are still no tourism applications in Selangor that meet the standards set by the Organization of Islamic Operation (OIC). Therefore, it is a

¹ Mohammad Imran Ahmad, PhD, USIM, imranahmad@kuis.edu.my.

² Mohammad Najib Jaafar, PhD, USIM, najib@usim.edu.my.

³ Ahmad Syukri Adnan, MA, UiTM Shah Alam, ahmadsyukri@kuis.edu.my.

⁴ Naqibah Mansor, MSc, UiTM Puncak Perdana, mansornaqibah@gmail.com.

requirement of developing Islamic Shariah compliant Islamic tourism applications to facilitate and entertain Arab tourists when visiting Selangor. If properly developed and managed, the economic development activities of the Islamic tourism in Selangor can be enhanced and indirectly introduced closer to the attractions of the state.

Keywords: *Arabic Language, Application Development, Smart Mobile, Islamic Tourism.*

Pengenalan

Selangor merupakan salah sebuah negeri di Malaysia. Ia merupakan sebuah negeri termaju tidak ketinggalan sebagai salah sebuah destinasi pelancongan bagi warga Arab Muslim. Berdasarkan Laporan Statistik Ketibaan Pelancong (LSKP) yang dikeluarkan oleh *Tourism Selangor* berlaku peningkatan jumlah pelancong Arab dari tahun 2015 hingga 2017 iaitu seramai 160,615 kepada 360,749 (<http://www.tourismselangor.my/tourism-selangor-profile/>). Ekonomi negeri Selangor pula mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 7.1% pada tahun 2017 berbanding hanya 4.8% pada tahun 2016 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Sementara, sektor pelancongan menyumbang sebahagian besar kepada pertumbuhan ekonomi negeri Selangor.

Kajian yang dijalankan oleh Hashim (2013) menunjukkan bahawa terdapat masalah komunikasi dalam kalangan pelancong Arab di negara kita. Sebanyak 70% responden menghadapi masalah komunikasi di lapangan terbang, 80% di hotel atau penginapan, 80% di pusat membeli-belah, 80% berkaitan dengan pemandu pelancong dan 80% berkaitan dengan pemandu teksi. Antara lain masalah yang biasa dihadapi oleh pelancong Arab adalah (Hashim, 2013):

1. Kekurangan kakitangan hotel yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Arab
2. Tiada saluran televisyen yang menggunakan bahasa Arab di hotel
3. Pemandu pelancong mempunyai kemahiran yang rendah dalam bahasa Arab
4. Pemandu teksi tidak boleh berbahasa Arab
5. Polis pelancong tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Arab
6. Kurangnya papan tanda dalam bahasa Arab

Oleh yang demikian, adalah menjadi suatu keperluan dalam membangunkan aplikasi SMART Mobile untuk pelancongan Islam bagi memudahkan pelancong Arab ketika berkunjung ke Selangor. Malah, kajian yang dilaksanakan oleh Mohammad Imran dan Mohammad Najib (2017) menunjukkan keperluan yang sangat tinggi terhadap pembangunan aplikasi oleh pelancong-pelancong Arab ini. Kajian ini akan membincangkan secara rinci keperluan bahasa Arab dan komponen utama yang perlu ada dalam aplikasi pelancongan berasaskan Islam.

Permasalahan Kajian

Agama memainkan peranan penting dalam pembangunan industri sesuatu negara (Hamira Zamani-Farahani, 2010). Kajian yang dijalankan oleh Mohamed Battour (2014) menunjukkan bahawa agama sesuatu negara mempunyai kaitan dengan kepuasan pelancong dari luar negara. Sehubungan dengan itu, pelancongan Islam ditakrifkan sebagai mana-mana kegiatan, peristiwa, pengalaman atau penglibatan, yang dilalui dalam keadaan penjelajahan yang akur

pada nilai serta hukum Islam, dengan tujuan untuk menikmati sebuah kerangka Islam, sama ada salah satu atau kesemua dari yang berikut: sejarah, seni, budaya, warisan, cara hidup, ekonomi, kesihatan, pendidikan atau mana-mana dimensi hidup manusia (<http://www.itc.gov.my/>). Secara tradisi, pelancongan Islam dikaitkan dengan aktiviti keagamaan seperti haji dan umrah. Dimensi pelancongan Islam menjadi semakin meluas apabila semakin ramai manusia mula menjelajah keluar ke destinasi-destinasi Islam yang lain.

Kewujudan dimensi baru ini telah mendorong kepada perubahan dan perkembangan komponen-komponen lain yang berkaitan dengan industri pelancongan, misalnya industri makanan, penerbangan atau industri pengangkutan dan sebagainya untuk memenuhi keperluan segmen yang unik ini. Ini termasuklah usaha yang telah dijalankan oleh institusi pengajian tinggi di negara ini yang memperkenalkan kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Pelancongan di peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda (Mohammad Najib Jaffar, 2013). Kursus ini ditawarkan bagi memenuhi keperluan pasaran dalam sektor pelancongan. Menurut Abdul Rahman Chik (1988) Bahasa Arab Pelancongan merupakan salah satu bidang Bahasa untuk Tujuan Khusus yang memerlukan laras bahasa dan istilah-istilah khusus serta mempunyai modul pengajaran yang tersendiri. Manakala Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam pula bermatlamat melahirkan pemain industri yang mahir menggunakan bahasa Arab di samping mengambil kira prinsip patuh syariah sebagai panduan dalam pengurusan pelancongan.

Menurut Hutchinson & Waters (1987) Bahasa untuk Tujuan Khusus atau Language for Specific Purposes (LSP) adalah satu pendekatan yang digunakan secara meluas dalam pengajaran bahasa kedua atau asing bagi memenuhi keperluan pelajar di dalam pendidikan, latihan dan pekerjaan mereka. Dalam pada itu, Analisis Keperluan atau Need Analysis merupakan "pemandu" yang mendasari pembangunan program Bahasa untuk Tujuan Khusus. Sebagai contoh, jururawat berbangsa Inggeris yang bekerja di hospital-hospital yang mempunyai peratusan tinggi pesakit yang bahasa rasminya Sepanyol, mungkin perlu belajar bahasa Sepanyol untuk tujuan komunikasi antara jururawat dan pesakit. Menurut Hyland (2009) pelajar digalakkan untuk mengambil peranan aktif dalam pembelajaran mereka sendiri dan menyoal apa yang diajarkan kepada mereka. Sukatan pembelajaran ditentukan mengikut keperluan pelajar melalui perundingan dan nasihat guru pakar.

Bahasa Arab juga turut berkembang pesat di dalam disiplin LSP ini. Banyak kajian telah dijalankan bagi membuktikan bahawa bahasa ini juga digunakan secara meluas bagi memenuhi keperluan tertentu. Antaranya adalah Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah seperti yang dikaji oleh Mohd Shahrizal Nasir (2015), Suhaila Zailani et al. (2012), Mohd Puzhi (2010), Mohammad Najib Jaffar (2007) dan Anzaruddin Ahmad (2004). Selain itu, terdapat kajian mengenai Bahasa Arab untuk Tujuan Pelancongan seperti yang dikaji oleh Nurul Husna Roslan (2015), Mohd Nizwan Musligh (2015), Mohammad Najib Jaffar (2013), Sulaiman Ibrahim (2011), Zalika Adam (2013), Sulaiman Ismail (2008), Muhammad Ibrahim Jalu (2008), Azman Che Mat (2009), Rosni Samah (2007) dan Abdul Halim Saleh (2005). Manakala Bahasa Arab untuk Tujuan Diplomasi dikaji oleh Islam Yusri (2008), Bahasa Arab untuk Tujuan Kejururawatan dikaji oleh Ghazali Zainuddin (2005) dan Bahasa Arab untuk Tujuan Ekonomi dikaji oleh Najmiah Hashim (2009).

Pada tahun 2010, seramai 320,000 pelancong dari Timur Tengah dengan purata perbelanjaan seorang sejumlah RM7,400 dan pada tahun 2014, sejumlah RM2.2 juta perbelanjaan yang mereka gunakan ketika melancong ke Malaysia (Haliza, 2018). Justeru, adalah menjadi suatu keperluan terhadap pembangunan aplikasi berbahasa Arab untuk meningkatkan dan merencanakan lagi kedatangan pelancong-pelancong Arab ke Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dan reka bentuk kajiannya adalah berdasarkan kepada analisis kandungan melalui kajian kepustakaan. Pengumpulan data dijalankan terhadap bahan literatur secara rinci seperti melalui buku, artikel, jurnal, prosiding, tesis dan laman sesawang yang berkaitan dengan pelancongan di Selangor. Data yang diperoleh, dikumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif mengikut tema kajian iaitu Penubuhan *Islamic Tourism* Malaysia, Konsep Pelancongan Islam Berdasarkan *Organization of Islamic Operation* (OIC), Komponen Utama Pelancongan Islam, Pelancongan di Selangor, dan Keperluan Kepada Aplikasi Pelancongan Islam Berfokus.

Dapatan Kajian

Penubuhan *Islamic Tourism* Malaysia

Peningkatan ketara pelancong Islam dari negara Timur Tengah ini memang tidak lain adalah disebabkan oleh peristiwa 11 September 2001. Bagi menyusun pelbagai program pembangunan pelancongan tempatan dan penyusunan strategi pemasaran produk budaya tempatan kepada pelancong Muslim, pihak kerajaan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menubuhkan *Islamic Tourism Malaysia* (ITC) pada 16 Mac 2009. ITC didaftarkan sebagai Syarikat Berhad menurut Jaminan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (Abdul Ghani Abu, Dewan Budaya, Mac 2013).

Berdasarkan rekod Master Card dan Rating Crescent (2015) dalam Laporan *Organization of Islamic Operation* (OIC) dan *The Statistical, Economic, and Social Research and Training Center for Islamic Countries* (SESRIC) (2017), Malaysia merupakan salah satu destinasi yang menjadi tarikan utama pelancong Islam dari seluruh dunia. Malaysia diiktiraf sebagai destinasi yang menduduki kedudukan pertama dalam Indeks Perjalanan Muslim Global versi 2015. Hal ini demikian kerana, Malaysia telah dijadikan tempat pelancongan Islam nombor satu selama empat tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2011 hingga 2014. ITC (2015) menyatakan perkara ini berdasarkan kepada ketersediaan makanan halal, fasiliti dan kemudahan untuk menunaikan ibadah, perkhidmatan hotel yang mesra Islam dan keadaan Malaysia sendiri yang bebas daripada segala bentuk ancaman dan rusuhan (OIC & SESRIC, 2017).

Kerajaan Malaysia telah mengadakan pelbagai usaha untuk menggalakkan pelancong Arab datang ke Malaysia. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat penerbangan yang lain, video dokumentari mengenai Malaysia di dalam bahasa Arab ditayangkan semasa penerbangan dalam bahasa Arab, terutama 30 minit sebelum mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Video ini menerangkan maklumat penting berkaitan negara kita. Ambassador Arab yang bertugas sebagai penyambut tetamu kepada pelancong berbangsa Arab akan bersedia di balai ketibaan untuk menyambut para pelancong dari Timur Tengah. Mereka yang bertugas sebagai Ambassador Arab merupakan pelajar yang fasih berkomunikasi dalam bahasa Arab. Program Ambassador Arab ini sememangnya hanya khusus kepada pelancong Arab sahaja dan ini merupakan keistimewaan dan keutamaan yang disediakan kepada mereka berbanding pelancong lain (Sulaiman Ismail, 2008). Bagi pelancong Arab, masih ramai di kalangan mereka yang tidak fasih berbahasa Inggeris.

Oleh yang demikian mereka memerlukan pengantara yang boleh berkomunikasi dan memberikan panduan dalam bahasa Arab di samping papan tanda dalam tulisan Arab untuk menunjuk arah lokasi yang terdapat di dalam KLIA (Sulaiman, 2008). Papan tanda berbahasa

Arab ini memudahkan urusan pelancong Muslim untuk mengerjakan solat dan mendapatkan makanan yang halal. Sebagai makluman, KLIA menyediakan ruang solat yang boleh didapati di semua peringkat bangunan terminal utama dan bangunan satelit dan 25 gerai makanan halal di kawasan umum dan kawasan transit (www.halaltrip.com).

Konsep Pelancongan Islam Berdasarkan *Organization of Islamic Operation* (OIC)

Organization of Islamic Operation (OIC) adalah organisasi antara-kerajaan kedua terbesar setelah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan keanggotaan 57 negara yang tersebar di empat benua. Organisasi ini merupakan himpunan suara-suara dari dunia Islam. Ia berusaha untuk melindungi kepentingan dunia Islam dengan menggalakkan keamanan dan keharmonian antarabangsa dalam kalangan pelbagai masyarakat dunia (*Organization of Islamic Cooperation*, 2011).

Islam dan pelancongan bukanlah suatu perkara yang asing. Melancong dan mengembara sangat disarankan dalam Islam. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ankabut ayat 20:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ ۖ ثُمَّ اللَّهُ يُنشِئُ النَّشْأَةَ الْآخِرَةَ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

yang bermaksud: “Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

Dalam ayat di atas, jelas Allah SWT menggalakkan kita sebagai hamba-Nya untuk mengembara, berjalan di seluruh pelusuk dunia untuk melihat kekuasaan dan mengambil pengajaran dari tiap-tiap kejadian yang telah Allah ciptakan. Hal ini merupakan fakta dan bukti yang jelas dan kukuh bahawa agama memainkan peranan dalam kegiatan seharian umat Islam. Saad et al (2010) menyatakan bahawa Islam mengakui hak penganutnya untuk berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Malah, Islam turut juga menggalakkan perjalanan untuk tujuan yang bermanfaat seperti mengerjakan Haji dan Umrah, kesihatan dan ubatan, pendidikan, perniagaan, perdagangan, hiburan dan keseronokan. Namun begitu, hiburan dan keseronokan perlu diinterpretasi dengan tepat agar peraturan dan kewajipan Syariah Islam tidak dilampaui (OIC & SESRIC, 2017).

Pelancongan Islam bertujuan mensasarkan pelancong-pelancong beragama Islam secara khusus, walaupun ia juga boleh menjadi tarikan universal terhadap pelancong-pelancong selain agama Islam atas pelbagai sebab. Antara sebab tarikan pelancongan Islam terhadap pelancong-pelancong bukan Islam adalah kerana harga yang berpatutan, keselamatan dan keamanan, persekitaran mesra keluarga, kebersihan dan sebagainya. Crescent Rating (2015) menyatakan bahawa konsep pelancongan Islam telah banyak digunakan dengan pelbagai nama dan konotasi yang berlainan. Namun, terma yang digunakan masih belum mencapai definisi yang bersifat universal. Antara nama yang menjadi kebiasaan terma adalah Pelancongan Halal (*Halal Tourism*), Pelancongan Syariah (*Shari'ah Tourism*) dan Pelancongan Mesra Islam (*Muslim-friendly Tourism*) (OIC & SESRIC, 2017).

Komponen Utama Pelancongan Islam

Laporan OIC dan SESRIC (2017) menggariskan lima komponen utama pelancongan Islam yang perlu diberi keutamaan berdasarkan pengadaptasian daripada Akyol dan Kilinc (2014). Komponen-komponen utama tersebut adalah sama seperti pelancongan konvensional, namun yang membezakan adalah komponen-komponen ini perlu halal dan patuh syariah iaitu; Hotel Halal, Pengangkutan Halal, Premis Makanan Halal, Pakej Pelancongan Halal dan Kewangan Halal. Keterangan setiap sub yang didasarkan oleh OIC adalah seperti berikut:

- a) Hotel Halal: Setiap hotel yang menepati pelancongan Islam perlu memastikan bahawa tiada perkhidmatan alkohol, tempat perjudian dan apa sahaja aktiviti yang menjurus ke arah perbuatan dan tindakan haram dan tidak patuh syariah. Makanan yang disediakan juga perlulah daripada sumber makanan yang halal dan mendapat kelulusan pihak berwajib. Di setiap bilik pula perlu disediakan mushaf al-Quran, sejadah dan anak panah yang menunjukkan arah kiblat. Posisi katil dan tandas juga tidak menghadap ke arah kiblat. Kakitangan hotel memakai pakaian yang menutup aurat dan pengurusan hotel seperti pembayaran dan sebagainya mengikut tatacara yang digariskan oleh Islam. Selain itu, fasiliti dan kemudahan seperti kolam renang, gim, tempat urut dan sebagainya perlulah diasingkan mengikut jantina.
- b) Pengangkutan Halal: Pengangkutan halal yang ditekankan adalah syarikat-syarikat penerbangan. Syarikat-syarikat penerbangan perlulah memastikan segala perkhidmatan terutamanya dari aspek makanan dan minuman perlulah halal. Tiada alkohol mahupun makanan yang berunsurkan daging babi dan syubhah. Bahan-bahan seperti maklumat digital juga perlulah sesuai dan mematuhi kehendak yang dibenarkan syarak.
- c) Restoran Halal: Restoran yang disenaraikan dalam pelancongan Islam perlulah dipastikan sumber makanan sebelum semasa dan ketika dihidang. Makanan yang berasaskan daripada haiwan perlulah dipastikan haiwan-haiwan tersebut disembelih mengikut tatacara Islam yang betul. Malah, makanan-makanan yang disediakan bukan makanan yang syubhah yang dikhuatiri halal haramnya. Alkohol juga tidak disediakan di restoran-restoran halal.
- d) Pakej Pelancongan Halal: Kandungan pakej pelancongan mestilah berdasarkan kepada tema Islam. Pakej pelancongan Islam perlulah ke arah pusat pelancongan yang bersifat Islamik termasuk lawatan ke masjid, monumen Islam, muzium Islam, dan acara semasa bulan Ramadhan.
- e) Kewangan Halal: Sumber kewangan hotel, restoran, agensi pelancongan dan syarikat penerbangan perlu sesuai dan mengikut tatacara serta prinsip Islam. Secara umum, kewangan Islam memerlukan penyertaan dalam berkongsi keuntungan dan kerugian dalam kalangan semua pihak yang terlibat dalam membina dan membangun perusahaan kewangan. Kewangan Islam melarang sama sekali apa sahaja bentuk faedah (*interest*) atau yang berkait dengan riba mahupun pengubalan wang haram.

Pelancongan di Selangor

Adanya pelbagai produk dan perkhidmatan pelancongan Islam menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan Islam dan berpotensi untuk mencapai lebih ramai pelancong-pelancong dari negara Islam yang lain. Menurut Ariffin dan Hasim (2009) dalam Laporan OIC & SESRIC (2017) menyatakan bahawa Malaysia mula menawarkan produk dan perkhidmatan

pelancongan Islam dalam pasaran seperti pelancongan semula jadi (eko) dan kesihatan. Malaysia bukan sahaja membangunkan produk dan perkhidmatan pelancongan Islam tetapi juga menganjurkan acara antarabangsa seperti Pameran Pelancongan Islam yang pertama dan Persidangan Islam Sedunia di Kuala Lumpur pada tahun 2008. Dua peristiwa besar ini membantu Malaysia membina imej sebagai destinasi pusat pelancongan Islam.

Kajian ini memfokuskan tiga daerah di negeri Selangor yang menjadi pusat kegiatan pelancongan. Daerah yang terlibat adalah daerah Hulu Langat (Majlis Perbandaran Kajang MPKj)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Gombak (Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)) dan Petaling (Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)). Secara amnya, berdasarkan Laporan Tinjauan Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 B7: Pelancongan terdapat 10 kluster produk pelancongan di negeri ini. 10 kluster tersebut adalah seperti berikut:

1. Pelancongan semulajadi
2. Agro pelancongan
3. Kebudayaan dan warisan
4. Homestay
5. Sukan (termasuk golf)
6. Pendidikan
7. Kesihatan
8. Taman tema
9. Pelancongan makanan dan membeli belah
10. Persidangan, Insentif, Konvensyen dan Pameran

Daripada 10 kluster ini, kategori pelancongan makanan dan membeli belah, eko pelancongan, sukan dan pendidikan merupakan produk pelancongan yang paling tinggi. Berdasarkan Laporan Tinjauan Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 B7: Pelancongan, kerajaan Selangor telah melancarkan satu kempen pada tahun 2010 yang dikenali sebagai “*Selangor Shines*”. Kempen “*Selangor Shines*” ini bertujuan mempromosikan tempat-tempat menarik dan produk-produk pelancong yang terdapat di negeri ini. Dalam kempen itu, Tourism Selangor telah mengatur dan melaksanakan program pemasaran dan promosi dengan memperkenalkan “10 Ikon Pelancongan Selangor Shines” iaitu Masjid Biru, Bukit Melawati, Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Taman Kelip-kelip, To’Kong Dong Zen, Sepang Gold Coast, Batu Caves, FRIM dan Hutan Lipur Kanching.

Di samping itu, Tourism Selangor turut memperkenalkan program promosi dan pemasaran produk pelancongan yang memfokuskan kepada “*10 Wonders Of Selangor*” iaitu homestay, persidangan, insentif, konvensyen dan pameran, sukan, pendidikan, kesihatan, warisan, taman tema, membeli-belah, alam semula jadi dan makanan. Malah, pihak Tourism Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan juga telah mewujudkan laman web pelancongan bagi kemudahan pengguna atau pelancong. Jadual di bawah merupakan senarai produk pelancongan mengikut kluster dan daerah terpilih seperti yang telah dinyatakan sehingga tahun 2014 mengikut maklumat yang diberikan oleh pihak Tourism Malaysia:

Jadual 1: Produk Pelancongan Semulajadi (Eko Pelancongan)

Daerah	Produk Pelancongan	Lokasi
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)/ Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Hutan Rekreasi Sungai Chongkak	Hulu Langat
	Sungai Tekala	Hulu Langat
	Air Terjun Sungai Gabai	Hulu Langat
	Air Terjun Sungai Pangsun	Hulu Langat
	Bukit Saga	Ampang
	Gunung Nuang	Hulu Langat
	Kolam Air Panas Dusun Tua	Dusun Tua, Batu 16, Hulu Langat
	Chongkak Park and Resort	Sg. Chongkak
	Air Terjun Sg. Lui	Hulu Langat
	Rumah Buluh Betong Resort	Bt. 11, Jalan Sg. Serai
	Taman Rimba Ampang	Ampang
	Menara Tinjau Ampang	Ampang
Gombak Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Gua Damai	Batu Caves
	Taman Rimba Komanwel	Rawang
	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	Kepong
	Hutan Rimba Kanching	Rawang
	Air Terjun Sungai Pisang Jalan Lama KL-Karak	Gombak
	Tasik Biru Kundang	Kundang
	Hutan Rimba Templer	Rawang
	Empangan Batu	Hulu Yam
	Air Terjun Batu Asah	Kg. Kemensah, Hulu Klang
	Hutan Lipur Bukit Lagong	Bukit Lagong
	Hutan Lipur Sungai Tua	Hulu Yam
	Empangan Klang Gate	Hulu Klang
	Zoo Negara	Hulu Klang
Permatang Kuartza	MPAJ	
Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Tasik Shah Alam	Shah Alam
	Taman Botani Negara	Shah Alam

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 2 seterusnya memaparkan taburan aktiviti-aktiviti yang terdapat pada tiga tempat yang disebutkan di atas. Aktiviti-aktiviti tersebut dapat dibahagikan kepada 11 aktiviti utama iaitu:

1. Perkelahan/perkhemahan
2. Mandi manda
3. Jungke trekking
4. Rekreasi pendidikan
5. Mountain bike track
6. Bird watching
7. Photoshoot
8. Memancing
9. Permainan layang-layang/taman permainan
10. Bersiar-siar
11. Sukan air/sukan lasak

Jadual 2: Senarai Taburan Produk dan Aktiviti Pelancongan

Daerah Hulu Langat												
Produk Pelancongan/ Aktiviti		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
1	Hutan Rekreasi Sungai Chongkak	√	√									
2	Hutan Rekreasi Sungai Tekala	√	√									
3	Hutan Rekreasi Sungai Gabai	√	√									
4	Hutan Rekreasi Sungai Pangsun	√	√	√	√							
5	Bukit Saga	√	√	√								
6	Gunung Nuang	√		√	√		√					
7	Kolam Air Panas Dusun Tua Batu 16		√									
8	Chongkak Park and Resort	√	√								√	
9	Air Terjun Sg. Lui	√	√									
10	Rumah Buluh Betong Resort	√	√									
11	Taman Rimba Ampang											
12	Menara Tinjau Ampang				√			√				
Daerah Gombak												
1	Gua Damai											√
2	Taman Rimba Komanwel, Rawang	√	√	√	√							
3	Forest Research Institute of Malaysia (FRIM), Kepong	√		√	√	√	√					
4	Hutan Rekreasi Sungai Kanching, Rawang	√	√	√	√							
5	Air Terjun Sungai Pisang, Jalan Lama KL - Karak	√	√									
6	Tasik Biru Kundang								√		√	√
7	Taman Rimba Templer, Rawang	√	√	√	√							
8	Empangan Batu, Hulu Yam	√										
9	Air Terjun Batu Asah, Kg. Kemensah Hulu Kelang	√	√									
10	Hutan Rekreasi Bukit Lagong, Selayang	√	√	√	√							
11	Hutan Rekreasi Sungai Tua, Hulu Yam	√	√	√								
12	Empangan Klang Gate				√							
13	Zoo Negara				√		√				√	
14	Permatang Kuartza			√				√			√	

Daerah Petaling										
1	Taman Tasik Shah Alam	√							√	√
2	Taman Botani Negara	√			√			√		√

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 3: Produk Agro Pelancongan

Daerah	Produk Pelancongan	Tarikan
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Rabbit Fun Land, Broga	Ternakan arnab
	Egrotek Ulu Langat	Pelbagai tanaman
Gombak Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	-	-
Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	-	-

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 4: Produk Pelancongan Kebudayaan dan Warisan

Daerah	Produk Pelancongan	Tarikan
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Galeri Sate	Pameran
Gombak Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Batu Caves	Keagamaan
	Selangor Culture Cove	Budaya
	Muzium Orang Asli Kg. Batu 12, Gombak	Pameran/budaya
Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Taman Seni Islam Selangor	Pameran/budaya
	Galeri Shah Alam	Pameran
	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam	Pameran
	Masjid Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah	Keagamaan/seni bina

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 5: Produk Pelancongan Homestay

Daerah	Homestay	Kampung	Jumlah Bilik
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	-	-	-
Gombak Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Homestay Bougainvillaea, Sg. Kertas	Kg. Sungai Kertas	23

Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	-	-	-
--	---	---	---

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 6: Produk Pelancongan Taman Tema

Daerah	Taman Tema	Lokasi
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	-	-
Gombak Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	-	-
Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	I-City	Seksyen 7, Shah Alam
	Wet World Shah Alam	Seksyen 14, Shah Alam

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 7: Produk Pelancongan Sukan

Daerah	Produk Pelancongan	Tarikan
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Bukit Broga	Hiking
	Gunung Nuang	Hiking
Gombak Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Gua Damai, Batu Caves	Rock climbing
	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	Jogging, biking, trailing dan lain-lain
	Taman Rimba Komanwel	Biking, ATV, hiking
	Tasik Biru Kundang	Aktiviti sukan air
	ATV Adventure Ride Park Kg Kemensah	Aktiviti sukan lasak
Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Taman Tasik Shah Alam	Joging/bersiar
	Kompleks Sukan Shah Alam	Bola sepak

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 8: Produk Pelancongan Pendidikan

Daerah	Senarai IPTS dan IPTA
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Institut Teknologi Info Sains Mahir Kuala Lumpur
	Kolej Poly-Tech Mara Bangi
	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
	Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur
	UniKL
Gombak	Malaysia German Institut
	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
	Universiti Kuala Lumpur British Malaysia Institut (UNIKL BMI)

Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Flamingo International College
	Institut Stamford Ampang
Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Pusat Teknologi Pengurusan Lanjutan
	Universiti Industri Selangor
	Universiti Teknologi Mara (UiTM)
	Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan (KUTPM)
	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
	Kolej Pendidikan Perdana (KOPEDA)
	Management and Science University (MSU)

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 9: Produk Pelancongan Kesihatan

Daerah	Produk Pelancongan	Lokasi
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Kajang Specialist Maternity & Surgery Sdn Bhd	Kajang
	Sentosa Medical Centre Kajang	Kajang
	Hospital Pusrawi SMC Sdn. Bhd.	Bandar Baru Bangi
	Hospital Pakar An Nur Hasanah Sdn. Bhd.	Bandar Baru Bangi
	PRI Medicare Sdn Bhd	Saujana Impian
	Kajang Plaza Medical Centre	Kajang
	Az-Zahrah Islamic Medical Centre	Bandar Baru Bangi
Gombak Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	KPJ Rawang	Bandar Rawang
Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Darul Ehsan Medical Centre	Seksyen 14, Shah Alam
	KPJ Selangor Specialist Hospital	Seksyen 20, Shah Alam
	Salam Medical Center	Seksyen 19, Shah Alam
	Colombia Asia	Bukit Rimau, Seksyen 32

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 10: Produk Pelancongan Makanan dan Membeli Belah

Daerah	Produk Pelancongan	Lokasi
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Plaza Metro Kajang	Kajang
	Fish Farm Thai Restaurant	Kg Nanding
	D'Maju Food Corner	Bandar Sg. Long
	D'Kusha Satay	Pekan Batu 14
	Langat Seafood & Beer Garden	Pekan Batu 14
	Restoran Austin (Western)	Bangi
	Warung Dusun Gearbox@Bangi	Bandar Baru Bangi
	Fiesta Mall	Pandan Indah

	Galaxy Ampang	Ampang
	Gasoline Cafe	Jalan Hulu Langat Ampang
	The Lui Cafe	Jalan Hulu Langat Ampang
	Tamarind Springs Restaurant	Taman Tun Abdul Razak, Ampang
	Restaurant Fatimah Ghous	Ampang
Gombak Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Restaurant Singgah D'Klasik	Bandar Baru Selayang
	Bamboos Thai Cafe	Prima Sri Gombak
	Restaurant Air Buah Gelas Besar	Bandar Baru Selayang
	Malaya Steamboat Buffet	Prima Sri Gombak
	Ampang Point	Ampang
	Restoran Intai-Intai	Jalan Ampang, Hulu Klang
	Restoran Istana Bamboo	Jalan Hulu Klang, Ampang
Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Wongsolo	Seksyen 7, Shah Alam
	ABC (Air Batu Campur)	Seksyen 2, Shah Alam
	Garden Cafe	Alam Sentral, Shah Alam
	Ayam Penyet Padang Jawa	Padang Jawa
	Mas Mono	Seksyen 7, Shah Alam
	Plaza Alam Sentral	Shah Alam
	Plaza Shah Alam	Seksyen 9, Shah Alam
	SACC Mall	Shah Alam
	AEON BIG Bukit Rimau	Seksyen 32, Shah Alam
	Space U8	Saujana Indah Shah Alam
	Setia City Mall	Seksyen U13, Shah Alam
	Restoran Mee Ketam	Seksyen 7, Shah Alam
	Restoran Putera Ayu	Padang Jawa

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Jadual 11: Produk Pelancongan Persidangan, Insentif, Konvensyem dan Pameran







Daerah	Produk Pelancongan	Lokasi
Hulu Langat Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	-	-
Gombak Majlis Perbandaran Selayang (MPS)/Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Ideal Convention Centre	Taman Prima, Selayang
Petaling Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	SACC Convention Centre	Shah Alam
	Intekma Resort and Convention Centre	Seksyen 7, Shah Alam
	Midlands Convention Centre	Seksyen 7, Shah Alam
	Setia City Convention	Setia Alam

Sumber: Tourism Selangor Sdn Bhd (2014) dalam Laporan Tinjauan Pelancongan

Keperluan Kepada Aplikasi Pelancongan Islam Berfokus

Aplikasi pelancongan Islam berfokus dalam kajian ini adalah aplikasi pelancongan yang memfokuskan hanya suatu negeri sahaja. Dalam kajian ini, negeri yang menjadi tujuan pelaksanaan pembangunan aplikasi adalah negeri Selangor. Kajian dibuat dengan melihat kepada *Google* dan *Apple Play Store* iaitu sebuah aplikasi yang menyediakan segala keperluan pengguna masa kini. Pencarian dilakukan pada April 2020. Kajian ini dilakukan dengan membuat carian aplikasi pelancongan dan aplikasi yang berkaitan dengan tempat-tempat menarik di Selangor. Walaupun kerajaan negeri telah membangunkan laman sesawang untuk pelancongan Islam, namun apa yang membezakan dalam kajian ini adalah penulis ingin membangunkan dan mewujudkan sebuah aplikasi yang lebih memudahkan para pelancong dalam mengakses maklumat berdasarkan tempat yang difokuskan. Hal ini sejajar dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yus (2014) bahawa aplikasi pelancongan sangat sesuai diwujudkan dan dibangunkan oleh sebab kebergantungan pengguna abad ini terhadap internet dan telefon bimbit untuk mencari hotel, penerbangan, aktiviti di destinasi dan sebagainya di mana sahaja mereka berada. Hasil kajian mendapati hanya terdapat lima aplikasi daripada *Google Play Store* dan satu aplikasi daripada *Apple Play Store* yang hampir berkaitan dengan pelancongan di negeri Selangor. Keterangan aplikasi-aplikasi tersebut dinyatakan dalam jadual di bawah:

Jadual 12: Perbandingan Aplikasi Sedia Ada di Selangor

						
Nama aplikasi	Visit Selangor	Selangor and Kuala Lumpur Night Market	Selangor Hotel Booking	Eat at KLANG Selangor Malaysia	Bazar Ramadhan Selangor	KKB
Jenis	Android	Android	Android	Android	Android	iOs
Pembangun aplikasi	Event Management	HZ Mobile App	Noor Azman Muhammad	Share Like	BIMASAKTI apps	Betaworks Sdn Bhd
Bahasa	Inggeris	Inggeris	Inggeris	Inggeris	Melayu	Inggeris
Saiz	58MB	16MB	48MB	75MB	27MB	17MB
Kategori/Tujuan	Pelancongan & Tempatan	Gaya Hidup	Pelancongan & Tempatan	Makanan & Minuman	Buku & Rujukan	Pelancongan
Hak cipta terpelihara	-	-	-	-	-	© 2020 Majlis Daerah Hulu Selangor
Perbandingan Reka Bentuk Aplikasi						
Kebolegunaan antara muka	Baik	Sangat baik	Kurang baik	Baik	Baik	Sangat baik
Rasa kemasyarakatan	Ada	Tiada	Tiada	Ada	Ada	Ada
Dari komuniti ke pengguna	Baik	Sederhana	Sederhana	Baik	Baik	Sangat baik
Dari pengguna ke komuniti	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada
Interaktiviti	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada
Bersifat islamik	Campur	Campur	Campur	Campur	Islamik	Campur
Mengikut piawaian OIC	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

Berdasarkan Jadual 12 di atas, perbandingan antara aplikasi dibuat berdasarkan tujuh sub-spesifikasi iaitu kebolehgunaan antara muka, rasa kemasyarakatan, dari komuniti ke pengguna, dari pengguna ke komuniti, interaktiviti, bersifat islamik dan mengikut piawaian OIC.

Kebolehgunaan antara muka yang dimaksudkan adalah kemudahan yang diberikan oleh pembangun aplikasi kepada pengguna semasa menggunakan aplikasi. Pemprosesan kebolehgunaan antara muka hakikatnya memberi kesan kepada pengguna. Sekiranya aplikasi tersebut memberikan pemprosesan yang baik kepada pengguna untuk berurusan menggunakan aplikasi tersebut, sudah tentu pengguna akan kekal terikat menggunakan aplikasi tersebut. Namun berlaku sebaliknya sekiranya aplikasi yang dibangunkan itu tidak memberikan tahap kepuasan dan pemprosesan kebolehgunaan antara muka tidak baik dan sukar digunakan (Yeung & Law, 2006). Yus (2014) menyatakan bahawa pengguna selalunya cenderung untuk mengambil maklumat dari aplikasi yang mungkin relevan dan mengharapkan untuk mengakses maklumat tersebut secara mudah.

Rasa kemasyarakatan dalam hal ini adalah apabila aplikasi yang dibangunkan itu dapat memberi akses perkongsian ke alam maya. Melalui aplikasi tersebut, pengguna berpeluang berkongsi dan memuat naik pengalaman, gambar dan sebagainya ke dalam laman sosial mereka sendiri seperti Facebook, Instagram, dan sebagainya secara langsung dari aplikasi. Hal ini dengan mudah dapat memberitahu rakan-rakan alam maya mereka mengenai pengalaman ketika melancong.

Kaedah dari komuniti ke pengguna mewujudkan ruang pertanyaan kepada komuniti ketika menggunakan aplikasi seperti perkhidmatan pertanyaan sekiranya pengguna menghadapi masalah menggunakan aplikasi. Selain itu, wujudnya mesej atau email automatik yang dihantar ke sistem telefon bimbit pengguna berkaitan info atau update terkini berkaitan aplikasi. Maklumat lain seperti adanya info-info berkaitan tempat pelancongan yang disenaraikan seperti lokasi peta dan navigasi, jadual operasi, masa operasi, nombor telefon tempat pelancongan dan sebagainya.

Seterusnya, kaedah dari pengguna ke komuniti iaitu pengguna mempunyai ruang untuk memberikan ulasan, komentar, cadangan, entri blog, dan lain-lain seperti menulis ulasan sama ada di *Google* atau *Apple Play* aplikasi tersebut.

Interaktiviti diperlukan dalam pembangunan aplikasi. Dalam hal ini apa yang dimaksudkan adalah wujudnya satu interaktif antara pelancong mengenai perjalanan atau pengalaman cuti mereka. Mereka dapat berkongsi dan mencadangkan kepada pelancong-pelancong lain berdasarkan pengalaman yang telah mereka lalui. Kim et al (2013) dalam Yus (2014) menyatakan bahawa interaksi dan sokongan sesama pelancong dapat mempengaruhi perasaan pelancong ketika melancong dan tentunya meninggalkan lebih pengalaman dan memori yang tidak dapat dilupakan.

Adalah menjadi suatu nilai tambah sekiranya aplikasi yang dibangunkan menitikberatkan sifat islamik seperti panduan arah kiblat kepada pelancong, waktu solat, masjid yang berhampiran, tempat-tempat patuh syariah dan sebagainya. Hal ini memudahkan pengguna untuk tidak membuang waktu memuat turun aplikasi-aplikasi sampingan yang lain. Walaupun aplikasi tersebut digunakan khusus untuk pengguna pelancong Islam, namun ia dapat memberi manfaat dan faedah serta menjadi dakwah secara terus kepada pengguna bukan Islam yang menggunakan aplikasi tersebut.

Seperti yang telah dibincangkan di awal penulisan, OIC telah menggariskan lima komponen utama pelancongan Islam yang perlu diberi keutamaan berdasarkan pengadaptasian daripada Akyol dan Kilinc (2014). Pembangunan aplikasi pelancongan Islam perlulah memiliki komponen-komponen utama tersebut yang halal dan patuh syariah iaitu; Hotel Halal, Pengangkutan Halal, Premis Makanan Halal, Pakej Pelancongan Halal dan Kewangan Halal. Namun, masih belum lagi terdapat aplikasi yang dibangunkan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh OIC.

Secara amnya, pengguna aplikasi telefon bimbit mengharapkan aplikasi yang dibangunkan dapat memenuhi keperluan dan kehendak mereka dalam mendapatkan maklumat. Antara maklumat yang diperlukan ketika melancong adalah seperti senarai hotel, restoran, tempat pelancongan menarik, aktiviti di tempat pelancongan, harga tiket untuk aktiviti pelancongan, tiket penerbangan dan sebagainya. Malah, bagi pelancong asing terutamanya dalam kajian ini pelancong dari Timur Tengah, kemudahan atau perkhidmatan seperti mesin terjemahan sangat diperlukan untuk memudahkan mereka ketika berinteraksi dengan orang awam. Selain dari mesin terjemahan, keperluan seperti nama-nama makanan, papan tanda, pertukaran wang, penggunaan ungkapan harian adalah sangat perlu untuk memudahkan mereka ketika melancong. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian yang dibuat, adalah menjadi kepentingan dan keutamaan untuk membangunkan sebuah aplikasi pelancongan di Selangor yang memfokuskan kepada pelancong Arab serta aplikasi yang dapat menyediakan maklumat-maklumat berkaitan serta menitikberatkan isu syariah Islam seperti yang didasari oleh pihak OIC.

Rumusan Dapatan

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat keperluan terhadap pembangunan aplikasi pelancongan bahasa Arab di Selangor yang mematuhi syariah Islam juga aplikasi yang dilengkapi dengan segala aspek keperluan pelancong terutama pelancong dari negara Timur Tengah. Hal ini demikian kerana, pelancong dari Timur Tengah merupakan penyumbang utama dalam meningkatkan pembangunan sosioekonomi Malaysia.

Bibliografi

Al-Quran Al-Karim Terjemahan Abdullah Basmeih.

Abdul Ghani Abu. Malaysia Destinasi Utama Pelancongan Islam. Dewan Budaya. (2013, Mac). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Abdul Halim, S. (2005). Tasmim Wahdat Dirasiyyah Lil Hujjaj Wa Al-Mu'tamirin AlMaliziyyin Fi Ta'lim Lughah Al-Arabiyyah Li Aghrad Khassah. Kuala Lumpur: Kuliyyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, University Islam Antarabangsa Malaysia.

Abdul Rahman, C. (1988). Teaching Arabic for Specific Purposes (ASP) in Malaysia with Reference to Teaching Reading Skills at the International Islamic University Dissertation University of Salford.

Akyol M. & Kilinc, O. (2014). Internet and Halal Tourism Marketing, *International Periodical for The Languages, Literature and History of Turkish or Turkic*, Volume 9/8 Summer 2014, pp. 171-186.

- Anzaruddin, A. (2004). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Kajian Terhadap Sikap Dan Motivasi Golongan Profesional. Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ariffin, A.A.M. & Hasim, M.S. (2009). Marketing Malaysia to the Middle East tourists: Towards a Preferred Inter-regional Destinations. *International Journal of West Asian Studies* (1), pp. 39-53.
- Azman Che Mat, Azman Zakaria & Kamaruzzaman Jusoff. (2009). The Importance of Arabic Language in Malaysia Tourism Industry: Trends during 1999-1994. *Canadian Social Science*. Vol 5, No 4.
- Betaworks Sdn Bhd. (2020). *KKB Explore* [Mobile app]. App Store. <https://apps.apple.com/my/app/kkb-explore/id1506784329>.
- BIMASAKTIapps. (2020). *Bazar Ramadhan Selangor* (Version 1.0) [Mobile app]. Google Play Store. <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.newandromo.dev24828.app166137>.
- Crescent Rating. (2015). Muslim/Halal Travel Market: Basic Concepts, Terms and Definitions. Crescent Rating, Singapore.
- Event Management. (2019). *Visit Selangor* (Version 1.0) [Mobile app]. Google Play Store. <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.eventmanagement.visitselangor>.
- Haliza. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (Special Issue), 506–518.
- Hamira Zamani-Farahani & Joan C. Henderson. (2010). Islamic Tourism and Managing Tourism Development In Islamic Societies: The Cases Of Iran And Saudi Arabia. *International Journal of Tourism Research*. Vol 12, No 1.
- Hutchinson, T. & Waters, A. (1987). *English for Specific Purposes: A Learning-Centered Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hyland, K. (2009). *Academic discourse: English in a global context*. A&C Black.
- HZ Mobile App. (2020). *Selangor And Kuala Lumpur Night Market* (Version 1.2.0) [Mobile app]. Google Play Store. https://play.google.com/store/apps/details?id=com.hzmobileapp.s_and_kl_nightmarket.
- Islam Yusri. (2008). *Manhaj Mutakamil li Ta'lim Al-Arabiyyah li Al-Aghradh Al Diblomasiyyah*. Disertasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak
- Islamic Tourism Centre. (2015). *Malaysia Islamic Tourism Facts and Figures in Brief 2014/2015*.
- Kim, J., Fesenmaier, D. R. & Johnson S. L. (2013). The Effect of Feedback within Social Media in Tourism Experiences. In *Design, User Experience, and Usability. Web, Mobile, and Product Design*, edited by Marcus A. Berlin: Springer, 212-220.
- Laporan Tinjauan Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 B7: Pelancongan. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Negeri Selangor. http://jpbdselangor.gov.my/Laporan/RSN_Selangor/laporan-tinjauan/B7.0-Pelancongan.pdf.

- Master Card & Crescent Rating. (2015). Global Muslim Travel Index 2015. Report Available at: <https://skift.com/wp-content/uploads/2015/03/MasterCard-Muslim-Index.pdf>.
- Mohamed Battour, Mohd Nazari Ismail, Moustafa Battor & Muhammad Awais. (2017). Islamic Tourism: An Empirical Examination Of Travel Motivation And Satisfaction In Malaysia. *Current Issues in Tourism*. Vol 20, No 1.
- Mohammad Imran, A., & Mohammad Najib, J. (2017). Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam : Kajian Awal Needs Analysis Model Arabic for Islamic Tourism : A Preliminary Study. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 177–191.
- Mohammad Najib Jaffar. (2013). Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan Di IPT Malaysia. Laporan Penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai
- Mohd Puzhi Usop & Mohamad Seman. (2010). Bahasa Arab Untuk Ibadah. Selangor: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya & Muhammad Sabri Sahrir. (2015). Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. Vol 30, No 1.
- Muhammad Ibrahim Jalu. (2008). I'dad Wihdah Dirasiyyah li Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Al-Amilin fi Haqli Al-Siyahah fi Maliziyya. Disertasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.
- Muhammad Nizwan Musligh. (2015). Tahlil Al-Hajat Al-Lughawiyah Al-Syai'eah fi Mawaqif Al-Tawasul Al-Syafahi bi Al-Lughah Al-Arabiyyah li Saiqi Al-Taksi Al-Maliziyyin bi Matar Kuala Lumpur Al-Duwali (KLIA). Disertasi Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Najmiah Hashim. (2009). Ta'lim Al-Arabiyyah li Aghradh Khassah: Durus li Al-Mutkhasisin fi Majal Al-Iqtisod. Disertasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.
- Noor Azman Muhammad. (n.d). *Selangor Hotel Booking* [Mobile app]. Google Play Store.
- Nurul Husna, R. (2015). At-Tahaddiyat al-Lati Yuwaajihuha Tolabah al-Kuliyyah al-Jami'iyah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah Bi Selanjur (KUIS) Fi Ta'alum al-Lughah al-'Arabiah Li Aghrad Siyahiyah: Dirasah Midaniah. Disertasi Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Organization of Islamic Cooperation. (2011). *New name and emblem for OIC in Astana Organization of Islamic Cooperation*. June-August 2011. Issue No 18. OIC Journal: Organization of Islamic Cooperation.
- Organisation of Islamic Cooperation (OIC) & The Statistical, Economic. and Social Research and Training Center for Islamic Countries (SESRIC). (2017). *Strategic Roadmap for Development of Islamic Tourism: In OIC Member Countries*. Oran: Ankara –Turkey.
- Rosni, S. (2007). Penggunaan Internet dalam Pengajaran Bahasa: Kajian Terhadap Bahasa Arab Komunikasi Pelancongan. *Malaysian Education Dean's Council Journal*. Vol 1, No 2.
- Saad Sanad, H. A., Kassem, M. and N. Scott. (2010). Tourism and Islamic Law, in Noel Scott, Jafar Jafari (ed.) *Tourism in the Muslim World (Bridging Tourism Theory and Practice, Volume 2*, Emerald Group Publishing Limited, pp.17 – 30.

- Share Like. (2018). *Eat at KLANG Selangor Malaysia* (Version 1.0) [Mobile app]. Google Play Store.
<https://play.google.com/store/apps/details?id=com.sharelike.eatatklangselangormalaysia>.
- Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Khazri Osman, Zainuddin Ismail & Hakim Zainal. (2012). Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Tt-tt bulan 2012.
- Sulaiman Ibrahim & Wan Nuruddin. (2011). Al-Lughah Al-Arabiyyah li Aghradh Wazifiyyah: Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Al-Mursyidin Al-Siyahiyyin. *Majalah Al-Islam fi Asia* (2): Jun.
- Yeung, T.A. & Law, R. (2006). Evaluation of Usability: A Study of Hotel Web Sites in Hong Kong. *Journal of Hospitality & Tourism Research*, 30 (4): 452-473.
- Yus, F. (2014). Mobile tourism: Discourse, interactivity and usability in mobile apps for tourism. In Paper delivered at *Discurso y Géneros del Turismo 2.0*. Valencia: University of Valencia and IULMA, April 2014. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>.
- Zalika A. (2013). Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Aghradh Al-Siyahah fi Maliziyya, Tahlil Al-Hajat wa Tasmim Wihdah Dirasiyyah. Disertasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.